


ISSN 2180-3943



9 772180 394002

PERPUSTAKAAN
POLITEKNIK PRIMIER
SULTAN
SALAHUDDIN ABDUL AZIZ
SHAH
BIL.32
JANUARI—JUN 2017

INFOLIB

AUDIT EKSA ZON PERIDOT



ISI KANDUNGAN

KATA ALUAN PUSTAKAWAN	2
BERITA STAF	2
SENARAI AKTIVITI	3
STATISTIK	4- 5
GALERI AKTIVITI	6 -17
CATATAN KEMBARA	18- 19

Audit EKSA bagi Zon Peridot telah berlangsung pada 31 Mei 2017.

Unit Perpustakaan mewakili "Zon Peridot" telah menerima markah hasil semakan audit dalaman sebanyak 77.7%. Penambahbaikan berterusan perlu dilaksanakan lagi bagi memantapkan EKSA Zon Peridot.

KATA ALUAN PUSTAKAWAN

Assalamualaikum wrt. wbt.

Salam 1 Malaysia



Alhamdulillah, syukur kehadrat Ilahi dapat kita bertemu kembali dalam penerbitan Buletin Infolib keluaran ke-32 Edisi Januari-Jun 2017. Di sini ingin saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan tahniah dan syabas di atas terbitan se-terusnya buletin ini.

Tahun 2017, pelbagai aktiviti telah dirancang di sepanjang tahun ini bagi menggalakkan para pengguna menggunakan perkhidmatan yang terdapat di dalam Perpustakaan PSA.

Diharapkan agar penerbitan Buletin Infolib ini akan terus menjadi medium penghubung yang bermanfaat kepada semua pembaca dan pengguna. Akhir kata, saya mendoakan warga PSA semua memperoleh manfaat dan input yang berguna.



BERITA STAF

PELAJAR LATIHAN INDUSTRI UITM PUNCAK PERDANA

Pada 1 Feb 2017, Unit perpustakaan PSA telah menerima seorang pelajar latihan industri dari Uitm Puncak Perdana. Pn.Zaida Amelia adalah pelajar tahun akhir dari Fakulti Pengurusan Maklumat. Berasal dari Alor Setar Kedah.

"Pengawas Peperiksaan Online JPA"

Pembantu Pustakawan PSA telah dipilih bertugas sebagai "Pengawas" bagi Peperiksaan Online JPA yang telah diadakan di Makmal PSA pada 21-22 Feb 2017 yang lalu. Staf yang terlibat ialah Pn. Nor Parasila Ahmad Kamali, Pn. Azleena Basiron, Pn. Nurzuliana Dellnoor dan Pn. Norlina Ahmad.

SENARAI AKTIVITI JAN-JUN 2017

TARIKH	AKTIVITI
1 FEB 2017	LAPOR DIRI PELAJAR LATIHAN INDUSTRI UITM SHAH ALAM
15-17 FEB 2017	KURSUS LITERASI MAKLUMAT SEMESTER 1 PROMOSI PANGKALAN DATA PNM UNTUK PELAJAR BARU SEM DIS 2016 & SEP 2016
15 MAC 2017	LAWATAN KERJA DARI JAKIM KE PERPUSTAKAAN PSA
16 MAC 2017	AUDIT DALAMAN UNIT PERPUSTAKAAN
17 APRIL 2017	LAWATAN KERJA UNIT PERPUSTAKAAN PSA KE USIM
25 APRIL 2017	PROGRAM JOM BACA BERSAMA 10 MINIT
5 MEI 2017	GOTONG ROYONG PERDANA “EKSA ZON PERIDOT”
24-25 MEI 2017	AUDIT DALAMAN BAGI PROGRAM BEU
23 JUN 2017	TAMAT PELAJAR LATIHAN INDUSTRI
1 JUN 2017	AUDIT EKSA ZON PERIDOT UNIT PERPUSTAKAAN



STATISTIK PERPUSTAKAAN

10 PEMINJAM TERBANYAK (PELAJAR)


BIL	NAMA	NO.MATRIK	JABATAN
1	ROSINAH	08DPI16F2058	JPG
2	WAN MUHD	08DPI17F1251	JPG
3	W.MUHD THOLHA	08DEU15F1134	JKE
4	ABDUL WAFI	08DEP16F1083	JKE
5	MUHD LUK-MAN	08BFM15F3010	BFM
6	NUR ATIQAH	08BFM15F3011	BFM
7	NADZIRAH	08DEP15F1615	JKE
8	NUR AINI	08DEU17F1141	JKE
9	YUSRA	08DIN15F2001	JPG
10	AINUL AZIMAH	08DPR16F2037	JPG

10 PEMINJAM TERBANYAK (STAF)


BIL	NAMA	NO.K/P	JABATAN
1	LEE YONG YONG	830724145698	JPAM
2	ZANATUL SHIMA	760411105440	JPG
3	TENGKU MOHD AIZAN	760101035651	JKE
4	ZURIATI	720613035632	JKA
5	SARIZUN	750828055216	JMSK
6	NORLIA	8105220755558	JKE
7	SITI AZLIYA	770418045232	JKA
8	YAAKUB	740723045127	JKE
9	NOOR AZILA	730113015300	JMSK
10	MUSTAZHA HA-KIM	810630105291	JKA

PERKHIDMATAN	JAN	FEB	MAR	APRIL	MAY	JUN
PEMINJAMAN	199	177	58	63		84
PEMULANGAN	135	159	107	70		18
INTERNET	715	606	732	67		223
AVA	-	-	-	-		-
MENAIK DAN MENCETAK	291	236	345	38		35
BUK TERATAI	5	6	13	8		0
BUK PERBINCANGAN	80	76	136	25		13
BUK KAREL	7	23	46	3		1

STATISTIK PENGGUNAAN PERPUSTAKAAN JANUARI - JUN 2017



STATISTIK PENGUNJUNG JANUARI - JUN 2017



PENGUNJUNG	JAN	FEB	MAC	APRIL	MEI	JUN
	16492	17043	20367	4939	Cuti Semester	7437

GALERI AKTIVITI

BENGKEL LITERASI MAKLUMAT

Selamat Datang kepada pelajar baru Sesi Jun 2017. Bengkel Literasi Maklumat dan promosi pangkalan data PNM akan hanya dilaksanakan pada bulan Julai iaitu pada 17-21 Julai 2017. Ini kerana pendaftaran pelajar baru telah dilaksanakan sebanyak 3 kali iaitu pada 5 Jun, 13 Jun dan 3 Julai. Sehubungan itu, setelah semua pelajar selesai mendaftar barulah kursus ini dapat dilaksanakan.

PROGRAM JOM BACA 10 MINIT 2017

Unit Perpustakaan PSA juga turut serta dalam menjayakan aktiviti “Jom baca bersama untuk 10 minit” sebagai usaha untuk membudayakan tabiat membaca dikalangan pelajar. Program ini telah diadakan serentak seluruh negara.



SUDUT EKSA "HEALTH CORNER"

"Health Corner" adalah sudut terbaru dari EKSA unit Perpustakaan. Sudut ini telah mendapat sambutan hangat oleh para pengunjung Perpustakaan. Di sudut ini anda boleh melakukan timbang berat, mengukur ketinggian serta membuat kiraan BMI. Sudut ini juga diletakkan "First Aid Kit" bagi pengunjung yang memerlukan ubat-ubatan.



SUDUT PAMERAN



Idea dan kreativiti
oleh pelajar praktikal Uitm iaitu Pn
Zaida Amelia.



AUDIT DALAMAN SRR UNTUK PROGRAM BEU



LAWATAN KERJA DARI JAKIM UNTUK PROGRAM DIPLOMA & TAHFIZ DI PSA



Satu lawatan kerja dari JAKIM ke Perpustakaan PSA pada 15 Mac lalu. Lawatan ini turut diwakili oleh pihak pengurusan tertinggi PSA iaitu Pn Amidah Ujang & AMP.

PELUPUSAN BUKU YANG ROSAK

Buku-buku rujukan yang rosak telah dilupuskan dengan cara dirincih. Kelulusan diperolehi dari Arkib Negara Malaysia untuk melupuskan buku-buku ini. Sebanyak 49 judul dengan panjang buku 71 cm (63 buah buku) terlibat dalam proses pelupusan ini.





PEMBERSIHAN RUANG PERPUSTAKAAN



LAWATAN KERJA KE USIM 17 APRIL 2017



Satu lawatan kerja kerja ke USIM telah berlangsung, bertujuan untuk berkongsi pengalaman kerja.



GOTONG ROYONG PERDANA EKSA "ZON PERIDOT"

Pada 5 Mei 2017, satu gotong royong perdana telah dijalankan di sekitar Zon Peridot iaitu gabungan unit bagi projek EKSA (PERPUSTAKAAN, UIDM & UPLI). Gotong royong ini telah dijayakan oleh semua staf Zon Peridot.

Tahniah dan syabas atas kerjasama yang diberikan.

Gotong royong ini dilaksanakan bagi tujuan audit EKSA yang akan diadakan pada bulan Jun nanti. Ini merupakan julung kalinya PSA terlibat dalam pelaksanaan EKSA yang menggantikan sistem 5S. Zon Peridot telah mendapat markah sebanyak 77.7%. Beberapa penambahbaikan telah dibuat bagi memastikan Zon Peridot mematuhi standard penilaian yang sebenar.





TAZKIRAH ZON PERIDOT SEMPENA MENYAMBUT RAMADHAN 1438H



Gabungan 3 unit dalam menjayakan EKSA iaitu Zon Peridot, hubungan silaturahim yang terjalin semakin erat.

Satu tazkirah bersempena kedatangan bulan Ramadhan telah berlangsung di Bilik Kenanga Unit perpustakaan pada hari rabu 24 Mei 2017.

Ustaz Sharoni, dari JPA telah dijemput untuk menyampaikan tazkirah. Majlis diakhiri dengan jamuan yang telah disediakan oleh staf secara *potluck*.

AUDIT AKREDITASI PROGRAM BEU


25 Mei 2017 telah berlangsung audit bagi program BEU oleh pihak MQA. Penilaian audit yang dijalankan meliputi semua aspek iaitu kemudahan yang disediakan untuk para pengguna, sistem, silibus buku bagi program Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektronik (Elektronik Perubatan) dengan Kepujian.





Koleksi buku diatas iaitu subjek Teknologi Maklumat yang telahpun dipilih dan disisih oleh wakil pensyarah Jabatan Kejuruteraan Elektrik untuk dilupuskan. Koleksi buku tersebut tidak lagi bersesuaian dengan keperluan pelajar di PSA kerana versi buku yang lama.

BUKU-BUKU YANG DIPILIH SIMPAN DI BILIK KENANGA



Bilik Kenanga di luar ruang surau juga telah disusun atur dengan menempatkan rak buku yang terdapat di dalam surau .

Ruang Bilik Kenanga nampak lebih kemas, tersusun dan lebih selesa untuk digunakan.

UBAH SUAI SURAU PERPUSTAKAAN PSA



Surau di dalam unit Perpustakaan PSA telah berwajah baru. Tempat wuduk yang baru telah dibina bagi menggantikan tempat wuduk lama yang menyebabkan air wuduk melimpah ke ruang solat. Kini pelajar lebih selesa untuk bersolat dan kesucian ruang solat lebih terjamin. Rak buku-buku “dipilih simpan” juga telah di alihkan ke Bilik Kenanga untuk memberi keselesaan pelajar bersolat.



catatan kembara percutian
oleh Norlina

BALI

PULAU UNIK & EKSOTIK...

Sambungan episod lalu....

Hari ke 2

Kembara diteruskan pada hari kedua iaitu Pantai Tanjung Benoa. Pantai ini sangat terkenal dikalangan pelancong luar "mat saleh" dengan aktiviti sukan air antaranya jetski, parasailing dan sebagainya. Kembara seterusnya adalah ...



Disini juga para pengunjung dapat menyaksikan tarian tradisional unik Bali, iaitu tarian kecak. Tarian ini dimainkan oleh 50-100 orang penari. Penari kecak akan duduk melingkari ungguh api dengan memakai kain sarung berwarna hitam putih.



Tidak lengkap kembara anda ke Bali jika tidak ke Pura Uluwatu. Ia terletak di bahagian Selatan Bali yang merupakan sebuah bukit karang dengan ketinggian sekitar 97 m di atas permukaan laut. Lokasi berdirinya bangunan pura, membuat pengunjung yang datang ke sana terkesima dengan keindahan Pura tersebut, juga menikmati pemandangan yang indah.



Jarak antara setiap tempat menarik untuk dilawati di Bali adalah jauh. Pengunjung diingatkan supaya merancang masa dengan baik supaya semua tempat pelancongan dapat dijejaki. Amatlah rugi sekiranya anda tidak sampai di Bali, tidak singgah untuk meneroka tempat yang menarik dan unik.

Hari ke 3

Perjalanan kembara diteruskan dengan menjelaki tempat sejuk (tanah tinggi) iaitu kawasan gunung Kintamani. Tempat peranginan ini seperti Cameron Highland di Malaysia. Apa yang menarik disini adalah pemandangan yang dilihat adalah sebuah gunung berapi yang masih aktif. Makan tengahari di sini iaitu kafe yang menghadap gunung sangat tenang dan damai sekali. Sukar untuk meninggalkan tempat ini kerana sangat2 damai dan sejuk.



Destinasi diteruskan dengan menjelaki kawasan padi bukit iaitu tegalalang padi. Padi ditanam disekitar lereng bukit yang beriklim sejuk.



Setelah hampir seharian bersiar dan menikmati keindahan alam cuaca yang sejuk, kembara hari ke-3 ini disudahi dengan “shopping” buah tangan dari Bali. Rambang mata melihat aksesori yang dijual di Krishna Bali ni, harga yang sangat murah membuatkan kami hilang kewarasan seketika.



PERPUSTAKAAN
POLITEKNIK
PREMIER SULTAN
SALAHUDDIN ABDUL
AZIZ SHAH

Persiaran Usaha-
wan,
Seksyen U1,
40150 Shah Alam,
Selangor Darul
Ehsan.
No. Tel:
03-51634000

Talian Terus:
03-51634000 (Pn Siti
Fatimah)/80 (Pn.
Norhayati)/1268
(Pejabat)
No Faks:
03-5569 1903

Portal ILMU :
<http://polpsalib:8080>
Email: pustaka@psa.edu.my

SUMBANGAN
BAHAN BACAAN

Pihak
perpustakaan
mengalu-alukan
kepada mana-
manapun staf yang
ingin
menyumbangka
n koleksi bahan
kepada pihak
perpustakaan.
Sumbangan
boleh ditujukan
terus kepada
Pustakawan, Pn
Siti Fatimah
Wahab.
Sumbangan ini
akan
dikategorikan
sebagai hadiah
kepada
Perpustakaan
PSA

OPERASI PERKHIDMATAN SEMASA SEMESTER

ISNIN - JUMAAT

8.30 PAGI - 6.00 PETANG

CUTI SEMESTER :

WAKTU PEJABAT SAHAJA

ISNIN-KHAMIS :

8.30 PAGI - 1.00 TENGAHARI

2.00 PETANG - 5.00 PETANG

JUMAAT:

8.30 PAGI—12.15 TENGAHARI

2.45 PETANG - 5.00PETANG

TUTUP:

SABTU & AHAD SERTA CUTI UMUM

PENGARAH

KOL. BERSEKUTU (PA) HJ TAJUDDIN BIN ABDUL RASHID
K.M.N.

PENASIHAT PERPUSTAKAAN
EN.MOHD ZIN BIN HASAN
TIMB.PENGARAH (TPSA)

PUSTAKAWAN (S44)

PUAN SITI FATIMAH BINTI WAHAB

PUSTAKAWAN (S41)

PUAN NORHAYATI BINTI MAJID

PENOLONG PEGAWAI PERPUSTAKAAN (S27)
(KOSONG)

PEMBANTU PERPUSTAKAAN (S17)

PUAN NOR PARASILA BINTI AHMAD KAMALI

PUAN NORLINA BINTI AHMAD

PUAN NURZULIANA BINTI DELLNOOR

PUAN AZLEENA BINTI BASIRON

PEMBANTU PERPUSTAKAAN (KOSONG)